

Headline	TLHT juara hoki wanita		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	05 Mar 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	61
ArticleSize	199 cm ²	Journalist	MOHD. AZLI
PR Value	RM 15,492		



TLHT juara hoki wanita

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

PASUKAN Hoki Wanita Terengganu (TLHT) melakar sejarah tersendiri apabila dinobatkan sebagai juara Liga Hoki Wanita Malaysia (MWHL) pada kemunculan sulung mereka musim ini.

Kejayaan itu membuktikan skuad wanita negeri itu sebanding dengan Pasukan Hoki Terengganu (THT) yang merangkul juara berganda termasuk Piala TNB baru-baru ini.

Pada aksi terakhir liga di Stadium Hoki Batu Buruk, Kuala Terengganu semalam, TLHT mudah membelasah Persatuan Hoki Daerah Johor Bahru (JBDHA) 5-0.

Pakar flick negara, Nuraini Abdul Rashid menyumbang dua gol menerusi pukulan sudut penalti pada minit kelapan dan 50. Norazlin Sumantri menggandakan gol kedua TLHT menerusi jaringan padang pada minit kesembilan.

Hanis Nadiyah Onn menambah gol ketiga tuan rumah menerusi pukulan sudut penalti pada minit

ke-12. Gol kelima TLHT disumbangkan Wan Norfaiezah Md. Saiuti menerusi pukulan sudut penalti pada minit ke-59.

JBDHA mendapat kesempatan terbaik untuk meraih gol saguhati selepas memperoleh pukulan sudut penalti pada minit ke-36 tetapi dipersia-siakan.

Sementara itu, jurulatih TLHT, Mohd. Asari Abd. Aziz berkata, beliau bersyukur pasukan kendalian berjaya mencapai hasrat menjuarai MWHL pada musim pertama penyertaan mereka.

“Ini kerja keras sepasukan. Terima kasih kepada kerajaan Terengganu yang memberi kepercayaan kepada kami sehingga tertubuhnya TLHT.

“Selepas ini kami akan fokus untuk menjuang Piala Vivian

May pula bermula dengan saringan separuh akhir menentang

Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail pada 8 Mac ini,” katanya.



PARA pemain TLHT meraikan kejayaan merangkul kejuaraan Liga Hoki Wanita di Kuala Terengganu semalam.